

Teknologi elit Telepresence

Kosmo 8/4/09 ms36

Adakah Telepresence bakal menjadi rekaan-rekaan yang lain seperti telefon, faksimile dan Internet yang dahulunya dianggap sebagai teknologi mewah?

perspektif

Oleh **KHAIRUL ANUAR**
ABDUL RAHMAN
rencana@kosmo.com.my

JIKA anda merupakan salah seorang peminat filem sains fiksi *Star Wars*, pastinya anda akan mengingati bagaimana mudahnya Darth Vader berkomunikasi dengan ketuanya menggunakan teknologi berbentuk holografik. Jika dahulu kita mungkin menganggap ia merupakan sebahagian daripada kreativiti pengarah filem blockbuster, George Lucas, namun kini teknologi itu telah menjadi kenyataan.

Teknologi komunikasi yang dinamakan Telepresence memberi pengalaman baru dalam dunia komunikasi, membolehkan seseorang merasai kesan visual seolah-olah dia berada bersama-sama mereka dalam sesebuah majlis atau mesyuarat, walaupun sebenarnya berada di lokasi yang berbeza.

Telepresence juga membolehkan pengguna memberikan kesan tambahan



TELEPRESENCE membolehkan seseorang merasai kesan visual seolah-olah berada dalam sesebuah majlis atau mesyuarat, walaupun sebenarnya mereka di lokasi yang berbeza.

bagi menyokong kehadirannya di lokasi tersebut melalui pergerakan, suara dan sebagainya.

Kesan itu akan disalin dan dipancarkan dari lokasi asal ke lokasi sidang Telepresence berlangsung.

Sebelum ini, Teleconference merupakan pilihan kebanyakan organisasi besar seperti syarikat korporat dan juga agensi kerajaan. Ia membolehkan perbincangan diadakan di antara rakan setugas sesebuah pejabat dengan cawangan yang jaraknya boleh mencecah sehingga ribuan kilometer.

yang bukan sahaja mampu menyampaikan mesej, malah menyebabkan pengguna merasai apa yang dirasai oleh mereka yang berada dalam sidang yang sama. Imej yang seolah-olah 'hidup' menyebabkan lebih tumpuan diberikan sewaktu perbincangan diadakan.

Bagi memberikan gambaran betapa jelasnya imej yang mampu dihasilkan oleh Telepresence itu, bayangkan anda boleh melihat jerawat bos anda di televisyen berdefinisi tinggi. Saiz imej yang dihasilkan juga mengagumkan kerana imej yang dihasilkan oleh teknologi itu menghampiri saiz sebenar subjek dengan warna iaitu sesuatu yang tidak dapat dilakukan di dalam perbincangan video.

Para penganalisis teknologi meramalkan, apabila teknologi itu sampai ke kemuncaknya, dengan ciri-ciri sedia ada yang diperbaiki dan ciri tambahan yang lain, ia tidak mustahil boleh menggugat industri lain seperti industri penerbangan.

Ini kerana, syarikat korporat yang mengadaptasi teknologi itu dapat mengurangkan kos perjalanan eksekutif kanan mereka ke mesyuarat yang boleh dihadiri melalui kaedah virtual ini.

Bagaimanapun, teknologi tersebut dijangka akan hanya digunakan secara meluas oleh kebanyakan organisasi apabila kos untuk memilikinya berada

Bagaimanapun, tahap kualiti yang dihasilkan tidak seperti yang kita harapkan. Ini kerana ia tidak setanding dengan kualiti yang dihasilkan di TV biasa, apatah lagi TV berdefinisi tinggi.

Sehubungan itu, Telepresence meningkatkan kualiti video yang dihasilkan bagi memberikan kaedah perbincangan terbaik berbanding telekonferens video.

Telepresence juga mampu memberikan sentuhan insan atau *human touch* kerana keupayaan komunikasinya

apabila kosnya masih tinggi pada paras yang mampu dimiliki. Hari ini, Telepresence masih tergolong dalam kategori teknologi elit dan mewah kerana kosnya yang tinggi.

Sama seperti teknologi seperti telefon, faksimile dan Internet yang dahulunya dianggap sebagai teknologi mewah, kini ia telah menjadi suatu kebiasaan. Adakah Telepresence bakal menjadi seperti rekaan-rekaan yang lain? Hanya masa akan dapat menentukannya!



soalsiber

SAYA ingin menghantar e-mel kepada seseorang dan pada masa yang sama ingin menghantar satu salinan kepada seseorang tanpa diketahui oleh penerima pertama. Saya difahamkan fungsi ini dinamakan BCC,

tetapi gagal mencarinya. Bagaimana saya boleh menggunakan ciri tersebut di dalam Outlook 2007?

KASIM ABDULLAH, Klang

JAWAPAN

KLIK pada New Mail Message kemudian klik pada tab Options. Klik pada Show BCC bagi mengaktifkan fungsi BCC ini. Selamat mencuba!